



**DAING NASIR IBRAHIM** (empat dari kanan) bersama pegawai universiti yang menyertai program UMP Manager's Retreat *Take Charge* anjuran Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar di Resorts World Kijal, Terengganu baru-baru ini.

## Pengurus UMP perlu miliki pengetahuan

UTUSAN MALAYSIA (ALAM AKADEMIK) 22 FEB 2017 m/s 26

**KUANTAN 21 Feb.** - Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjenamakan semula penggunaan nama 'pentadbir' kepada 'pengurus' selaras dengan usaha untuk melonjakkan pencapaian tahap daya saing barisan pegawainya dan merealisasikan hasrat UMP menjadi universiti teknologi terunggul.

Pendaftar UMP, Abd. Hamid Majid ketika mengemukakan perkara itu dalam satu program melibatkan pegawai universiti itu di Resorts World Kijal, Terengganu baru-baru ini berkata, penjenamaan semula berkenaan melibatkan pegawai dari grad N41 hingga N54.

Katanya, program anjuran Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar UMP itu antara lain bertujuan me-

ngukuhkan pengurusan kerja berpasukan dan hubungan komunikasi berkesan antara pengurus bagi mewujudkan suasana harmoni dalam organisasi.

"Selain itu, peserta dapat mengadakan perbincangan dalam menilai semula prestasi pencapaian Pelan Strategik UMP 2011-2015," katanya pada majlis tersebut yang dirasmikan oleh Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Pada majlis tersebut, turut berlangsung forum bertajuk 'Realiti Pentadbir Masa Kini: Pemikiran Global' yang menggandingkan bekas Pendaftar Universiti Teknologi Mara (UiTM), Dr. Zahrah Mokhtar dan Pendaftar Universiti Perdana, Norpisah Mat Isa bersama Abdul Shukur Ishak sebagai pengantara.

Menurut Abd. Hamid, mereka yang berjawatan pengurus di UMP perlu mempunyai pemikiran dan tindakan yang strategik serta global bagi memartabatkan UMP sebagai universiti teknologi bertaraf dunia.

Beliau berharap para peserta dapat mencari kesepakatan dalam merangka strategi bersama bagi mencapai objektif yang ditetapkan oleh universiti berkenaan dalam program tersebut.

"Menjadi satu kemestian semua pengurus UMP memperkukuh dan memikirkan semula peningkatan pengetahuan, kemahiran, kebolehsesuaian dan daya tahan diri supaya menjadi pekerja yang sentiasa peka dengan keperluan serta perkembangan UMP amnya," katanya.